



(Gambar atas) MEMERHATI ... Suhaimy (kiri) meneliti bahan-bahan bacaan yang dipamerkan.

(Gambar kanan) UNTUK ALBUM ... Para pelatih Kor-Suksis UMS bergambar bersama Siringan (duduk tengah empat kanan) dan Suhaimy (lima kanan) serta para pegawai PDRM yang hadir.

Oleh JAINUDIN NASIR

jainudin5709@gmail.com

UB 28/05/2011 B1

PENUBUHAN program beruniform kepolisian adalah saranan Tun Abdullah Ahamad Badawi, mantan Perdana Menteri Malaysia, ketika beliau menjadi Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri semasa mengadakan lawatan ke Universiti Utara Malaysia (UUM) pada 17 Mac 1999.

Lanjutan dari saranan itu, maka tertubuhlah Kor-Sukarelawan Polis Siswa/Siswi (Suksis) buat julung kalinya pada tahun 2003.

Universiti Malaysia Sabah (UMS) melihat program ini amat sesuai sebagai instrumen sahsiah, disiplin dan ketahanan diri mahasiswa dan mengambil inisiatif menujuhkan Kor-Suksis ini pada 9 Julai 2004 dengan pengambilan dua platur seramai 64 orang iaitu 26 wanita dan 38 lelaki serta melantik lima pegawai kehormat dari kalangan kakitangan UMS sebagai golongan perintis.

Majlis pelancaran dan pentauliahan Pegawai Kehormat telah dilaksanakan dan disempurnakan oleh mantan Ketua Polis Negara, Dato' Seri Musa Hassan, ketika beliau menjadi Timbalan Ketua Polis Negara pada 9 April 2005.

Sehingga kini, seramai 117 pelatih Kor-Sukarelawan Polis Siswa/Siswi UMS telah ditauliahkan iaitu pada tahun 2007 seramai 62 pelatih (28 wanita dan 34 lelaki), manakala pada 2008, seramai 58 pelatih (29 wanita dan 29 lelaki) dan pada 2009 seramai 57 pelatih (26 pelatih wanita dan 31 pelatih lelaki).

Semuanya bertujuan melahirkan mahasiswa berpengetahuan dalam disiplin kepolisian, mematuhi perintah dan arahan serta memahami undang-undang serta penguatkuasaannya.

Program seumpamanya juga mampu memupuk mahasiswa yang berperanan dan bertanggungjawab, cekap dalam mewujudkan kesedaran sivik dan hubungan baik polis dengan masyarakat secara keseluruhannya.

Selain itu, diharapkan juga menerusi



TERIMA KASIH ... Siringan (dua kanan) menerima cenderamata disampaikan Mohd.Ibrahim, diperhatikan Suhaimy (tiga kanan) dan Jefry (kanan).

Suksis akan melahirkan mahasiswa yang mempunyai ketahanan mental dan fizikal serta berdaya saing selain membentuk personaliti positif, bersemangat kental serta mampu menyeimbangi pembentukan minda antara ruang ilmiah dan sosial.

Semua pelatih diwajibkan mengambil enam jam kredit sebelum layak ditauliahkan sebagai Inspektor Sukarelawan Polis. Penilaian akan diberikan sebanyak satu jam kredit pada setiap semester sehingga semester keenam. Sementara semua bentuk latihan dan penilaian akan dijalankan sepenuhnya oleh para jurulatih beraulaiah dari Polis Diraja Malaysia (PDRM) dengan mengambil jumlah keseluruhan waktu latihan adalah 930 waktu semasa Cuti Semester (480 waktu) dan Hari Sabtu/Ahad (450 waktu).

Komponen-komponen yang terkandung dalam latihan pula meliputi Kawad, Latihan Senjata, Rentas Halangan, Pertolongan Cemas, Lawatan, Undang-Undang, Bina Diri, Kenegaraan, Khidmat Masyarakat, Praktikal/Simulasi, Ujian/Penilaian dan Latihan Asas PGA.

Seperti yang diadakan di Parlimen Ranau, seramai 83 pelatih UMS menjayakan Program Bakti Suksis ke-5 bersama penduduk dari dua buah kampung (Paka Jaya dan Lingkudau) menerusi pelbagai aktiviti seperti gotong royong dan sukaneka di samping pameran.

Perasmian majlis itu di Kg Paka Jaya kelmarin, telah disempurnakan Ahli Parlimen Ranau, Datuk Siringan A.Gubat, dan turut dihadiri Ketua Polis Daerah Ranau, DSP Suhaimy Hashim bersama Pegawai Penyelaras Kor-Suksis UMS, ASP Mohd Ibrahim Mohd Ghani, dan para pegawai PDRM pelbagai pangkat dari Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Ranau.

Hadir sama ialah Pegawai Perhubungan Parlimen Ranau, James Inggru, Ketua Kampung Paka Jaya, KK Mutalib Janan, Pengurus JKPK Paka Jaya, Mohd Siad Abd Rahman, Pengurus JKPK Lingkudau, Dr Mostapha Nasir serta para penduduk Kg Paka Jaya.

Siringan dalam ucapannya memuji inisiatif pihak UMS kerana berjaya menganjurkan program itu dengan memilih daerah Ranau sebagai lokasi pelancaran.

Menurutnya, kelompok mahasiswa perlu meletakkan diri dalam hierarki masyarakat di tempat yang tinggi dan unggul memandangkan mereka (mahasiswa) adalah bakal arkitek dan jurutera pembinaan tamadun bangsa, pemimpin unggul negara dan penentu masa depan rakyat.

"Anda adalah insan berkualiti tinggi yang sedang diasah untuk mengisi semua ruang kosong yang terbiar malah secara holistiknya anda juga adalah bakal ahli fikir, ahli ekonomi, saintis, pakar undang-undang, pakar perubatan, pencipta bertaraf antarabangsa, pemacu pembangunan negara, kreatif, inovatif, rajin dan proaktif," katanya.

Dengan itu, tambahnya, sebagai pelajar institusi pengajian tinggi perlu memiliki bekalan ilmu yang pelbagai, selain segulung ijazah pengalaman amali amat berguna, memahami nilai-nilai kehidupan masyarakat juga amat penting sebelum menjalani alam pekerjaan sebenar.

